

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TUAN KHOO SOO SEANG
KAWASAN : TEBRAU
TARIKH : 4 NOVEMBER 2015, RABU

SOALAN:

YB. TUAN KHOO SOO SEANG (TEBRAU) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan setakat ini berapa kali kontraktor Projek Pelebaran Lebuh Raya Pasir Gudang telah diluluskan melanjutkan tempoh kontrak. Apakah sebab-sebabnya kontraktor berkenaan tidak berupaya menyempurnakan projek dalam tempoh yang dijanjikan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek menaik taraf Jalan Persekutuan 17 (FT17) di Pasir Gudang, Johor telah diluluskan oleh Kerajaan dalam RMKe-10, iaitu pada tahun 2012.

Projek ini dilaksanakan secara berfasa di mana fasa pertama (Kangkar Tebrau – Plentong) sedang dalam peringkat pembinaan (81% - penjadualan semula) dan dijangka akan siap sepenuhnya pada akhir tahun ini. Projek ini mengalami kelewatan berbanding jadual perancangan asal, iaitu pada 15 Januari 2015. Setakat ini JKR telah meluluskan Tempoh Lanjutan Masa (EOT) untuk kali kedua, iaitu sehingga 31 Dis. 2015. Ia berikutan daripada masalah di luar kawalan pihak kontraktor seperti melibatkan isu pengambilan tanah, perpindahan setinggan, pengurusan trafik dan juga isu pengalihan utiliti.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini telah mengarahkan pihak kontraktor untuk menggiatkan pelaksanaan projek ini dan memastikan ia siap mengikut jadual semasa. Sehubungan itu pemantauan yang lebih ketat telah dimulakan termasuk mengadakan sesi turun ke tapak oleh Anggota Pentadbiran dan pengurusan atasan kementerian dan JKR.

Sekian. Terima kasih.